

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 30 MEI 2020  
AKHBAR : THE EDGE MARKET  
MUKA SURAT : -

### Tabling of 12<sup>th</sup> Malaysia Plan postponed to 2021-report



Chief Secretary to the Government Datuk Seri Mohd Zuki Ali

---

KUALA LUMPUR (May 30): The planned tabling of the 12th Malaysia Plan (12MP) in Parliament on Aug 6, 2020 has been postponed to January 2021, *The Malaysian Insight* reported today, quoting Chief Secretary to the Government Datuk Seri Mohd Zuki Ali's letter to government agency heads.

It was reported that in the letter, Zuki told government agency heads the Cabinet had on May 6, 2020 decided to postpone the tabling of the 12MP.

### volumflscreen

The 12MP outlines the country's development plan from 2021 to 2025. The Economic Planning Unit's website indicates that a post-2020 development plan with a clear strategic direction will be formulated to set the way forward for national development agenda over the next decade along with the implementation framework.

At the time of writing today, the chief secretary's office had not issued a statement to confirm news reports on the 12MP postponement.

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 30 MEI 2020  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 4

## Malaysia bersedia bagi pemulihan ekonomi menjelang 2021 - Tengku Zafrul

KUALA LUMPUR: Sejar pembukaan ekonomi negara yang menyaksikan hampir 70 peratus tenaga kerja kembali bekerja membabitkan beberapa sektor ekonomi, Malaysia kini berada pada kapasiti yang bersedia bagi pemulihan ekonomi menjelang 2021, kata Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

"Kita perlu bangun semula untuk mencatatkan keluaran dalam negara kasar (KDNK) yang positif, berbanding KDNK negatif yang dijangka dicatatkan pada tahun ini, iaitu selaras dengan pertumbuhan ekonomi dunia," katanya dalam wawancara eksklusif bersama Bernama bagi dokumentari 'Malaysia Bersatu Lawan COVID-19' yang disiarkan menerusi Bernama TV.

Tengku Zafrul berkata, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) meramalkan ekonomi global bakal mencatatkan "penguncupan" ataupun pertumbuhan negatif sebanyak tiga peratus berikutan penularan pandemik COVID-19, dan seperti mana negara-negara lain, ekonomi Malaysia turut terjejas.

Menurutnya, dalam usaha memerangi kejatuhan ekonomi akibat pandemik tersebut, kerajaan telah mengambil pendekatan 6R iaitu 'Resolve', 'Resilience', 'Restart', 'Recovery', 'Revitalise' dan 'Reform'.

Beliau berkata, 1R-Resolve ataupun ketegasan merujuk kepada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diumumkan kerajaan pada 18 Mac, ketika graf COVID-19 negara mencatatkan jumlah kes baharu yang tinggi dan memerlukan langkah-langkah pencegahan untuk meratakan lengkung.

Manakala 2R –Resilience (ketahanan) merujuk kepada pakej rangsangan ekonomi ataupun Pakej Prihatin yang diumumkan kerajaan, memfokuskan kepada rakyat yang terjejas termasuklah perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan PKS mikro.

"3R-Restart adalah langkah pembukaan semula ekonomi atau penjanaan semula ekonomi negara secara berperingkat dan 4R-Recovery adalah fasa pemulihan yang sedang dilalui negara.

"Kita sedang merangka pelan pemulihan ekonomi jangka pendek yang akan diumumkan pada awal bulan Jun ini," katanya.

Bagi fasa kelima 5R-Revitalise, Tengku Zafrul berkata, ia akan diumumkan pada bulan Oktober ataupun November tahun ini dengan fokusnya adalah kepada jangka masa sederhana dan yang terakhir sekali 6R-Reform merupakan pelan jangka masa panjang dan memfokuskan kepada Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) yang bakal di umumkan pada Januari 2021.

Menurutnya, bagi merancakkan ekonomi negara, kerajaan telah mengumumkan geran khas prihatin yang mana lebih 649,000 PKS mikro telah membuat permohonan mulai 1 Mei sehingga 15 Mei.

"Kita dalam proses untuk mempertimbangkan permohonan tersebut. Setiap permohonan yang berjaya akan menerima RM3,000 daripada kerajaan. Geran ini bertujuan membantu aliran tunai PKS mikro dan mereka tidak perlu membayar semula geran tersebut.

"Kita tidak boleh berasa puas hati selagi tidak ada vaksin, kita perlu mematuhi Standard Prosedur (SOP) yang di tetapkan kerajaan. Saya yakin bahawa new normal (normal baharu) ini boleh berfungsi dengan baik," katanya.

Tengku Zafrul sebelum ini berkata bahawa normal baharu ini mungkin menjadi kelaziman yang berkekalan. – BERNAMA